

HIMPUNAN SAJAK JENAKA

**SAJEN**  
*ONGI*

HIMPUNAN SAJAK JENAKA

# SAJEN ONGI

MOHAMMAD PUAD BEBIT

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kota Kinabalu • Sabah • 2010

<http://www.ums.edu.my/penerbit>

---

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

---

© Universiti Malaysia Sabah, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohammad Puad Bebit, 1964-

Himpunan sajak jenaka (SAJEN) ONG / Mohammad Puad Bebit.

Bibliografi: ms. 101

ISBN 978-967-5224-44-7

1. Malay poetry. 2. Sajak. I. Judul

899.231

Pereka kulit: Che Hasruddin Che Hasan

Pereka letak halaman: Quenney

Muka taip teks: Goudy Old Style

Saiz taip teks dan *leading*: 12/14 poin

Dicetak oleh: Gayawara Sdn. Bhd. (272771-D)

*Insan yang tersayang,  
yang sentiasa menjadi tulang belakang,  
mendorong kejayaan luas dipandang,  
di ruang padang ilmiah yang terbentang.*

---

# KANDUNGAN

<i>Kata Pengantar</i>	ix
<i>Prakata</i>	xiii
<i>Pendahuluan</i>	xv
Ong	1
Cakap Cukup Cekap	3
Tak Ingat, Ingat-ingat Lupa	5
Tanya Menanya Kena Tanya	7
Gila yang Gila Menggila	8
Lucu Lucah Leceh	10
Kawan	12
Air Pasang Dalam	14
Bang Lubang Bang	16
Dah Dapat Tak Dapat-dapat	18
Pat Pit Put Sempat Sempit Semput	20
Kita Kata Dia Dia Kata Kita	23
Sang Katak Dikatok Dikotak Katik	24
Datang Mendatang Datang Datang	26
Kata-kata Sang Katak	29
Biar Sang Ular Melingkar	32
Semalu-Malunya	34
Muka Bermuka-muka	35
Tidak Tahu	36
Surat Perit Si Perut	38
Ada-ada	40
Yang Besar yang Gusar	42
Sayang Si Dayang	43
Mereka Sambut Merdeka	45
Sang Kerbau yang Melampau	47

---

Siapa Salah, Salah Siapa	49
Keranamu Universiti	51
Lat Lit Lut	53
Sederap Langkah	55
Ngang Nging Ngung	56
Timba Mencari Telaga	58
Yang Hangat, Hangit, Hangus	60
Tamparan Wanita, Wanita Ditampar	62
Undi Anda Undo	65
Malam Semalam	67
Dia Lagi La Gi...La	69
Tangga Tetangga	71
Kopi Susu	73
Cinta di Tepi Parit	74
Jet-jet Hati	75
Cahaya Hilang Percaya	76
Hati-hati Kata Hati	77
Macam Bagus	78
Babi Dapat Nama	80
Kawan Kita Orang	81
Sunyi Dah Tak Berbunyi	83
Pandang-pandang di Padang	85
<i>Bibliografi</i>	87

## KATA PENGANTAR

---

Humor sememangnya kegemaran manusia sejagat. Ia bisa mengalihkan kebosanan menjadi ceria, berupaya melegakan ketegangan menjadi kendur, melipur duka menjadi suka. Dalam keadaan biasa iaitu humor digunakan semata-mata untuk melahirkan suasana ria, misalnya dalam cerita atau naratif malah perbualan, humor disebut sebagai jenaka. Insan yang riang, malah masyarakat yang ceria menyumbang kepada pembentukan budaya yang kreatif dan positif. Senyum dan ketawa yang terhasil dari humor bisa membentuk peribadi yang luhur dan murni. Menurut Henri Bergson (1900), "*Ultimately laughter has a positive purpose, as it is used to remove mechanical encrustations from life and so promote free and well-adapted behaviour*". Insan yang menghadapi stres sesungguhnya menyimpan di dalam dirinya sejumlah kegusaran yang bertimpa-timpa dan peningkatan kegusaran yang membina stres ini perlu dikeluarkan demi kesejahteraan kesihatan insan. Kegusaran ini dianggap oleh Freud (1905) sebagai "*psychic energy*" yang perlu dikeluarkan atau "*relieved*". Menurutnyanya, "*The Relief Theory regards the perception of something ludicrous as leading to a saving of psychic energy, and laughter as the release of that energy.*"

Namun, humor sebenarnya berada dalam pelbagai genre karya kreatif dan memainkan peranan yang tersendiri dalam genre-genre tersebut. Apabila humor berada dalam karya kreatif, ia mampu menyongsang peraturan-peraturan linguistik, estetik dan tatakelakuan. Hal ini demikian kerana humor sememangnya berusaha melanggar kejituan makna disebabkan ia lebih bertenaga dalam keadaan ambiguiti. Teka-teki menjadi lebih menggeletek jika persoalannya *ambiguous* atau dwimakna, apatah lagi jika persoalannya menyarankan sesuatu idea yang tabu seperti seks sedangkan jawapan yang dicari bukan seks. Begitu pula pepatah, teromba dan kiasan menjadi indah bila kandungan moralnya berbentuk sindiran atau satira yang lucu. Dalam himpunan karya kreatif,

baik di Eropah Tua mahupun puisi tradisional Melayu, unsur jenaka atau lucu memang hadir dan kehadirannya bisa mengangkat puisi itu menjadi lebih afektif dan efektif.

SiFu Art Ums, atau nama penuhnya Mohammad Puad Bebit, mungkin merupakan satu-satunya penyair dari Sabah yang mendukung sajen dengan serius sehingga beliau berjaya melahirkan himpunan puisi humor yang mempunyai identiti tersendiri. Melahirkan humor melalui puisi atau melahirkan puisi yang berunsur humor bukanlah sesuatu yang baharu dalam penulisan kreatif. Menurut Aristotle (*Poetics*, ii. 5), Hegemon dari Thasos, seorang karyawan Yunani, merupakan pencipta *parody*, iatu sejenis puisi humor yang terhasil dengan merubah kata-kata dalam puisi-puisi yang masyhur pada zaman itu. Dalam kesusasteraan Yunani purba, parodia merupakan sejenis puisi yang meniru gaya dan *prosodi* epik pada zaman itu yang bertujuan menyindir dalam humor, “*But treating light, satirical or mock-heroic subjects*” (Denith, 10). Dalam kesusasteraan Neo-klasik Perancis juga terdapat parodi yang dikatakan sebagai, “*A type of poem where one work imitates the style of another for humorous effect.*” Karya SiFu Art seperti “Cakap Cukup Cepak” yang menggunakan rangkap puisi tradisional yang terkenal “Siakap senohong ...” sebagai rangkap pembuka dan merubah bait akhirnya pada rangkap penutup sesungguhnya meminjam gaya *parody*; cuma empat rangkap yang menjadi badan sajak itu adalah karya asli SiFu Art sendiri. Begitu juga dalam puisi “Air Pasang Dalam” dan “Pat Pat Siku Lipat”, SiFu Art menggunakan teknik parodi sekali lagi, tetapi kali ini elemen-elemen asal dari lagu kanak-kanak itu disebatikan dalam tubuh puisi itu sendiri. Dalam puisi “Semalu Malunya” lagu kanak-kanak “Bang selebu” dipertahankan rangkap dan kandungannya, tetapi digunakan sebagai rangkap pengenalan untuk meminjam bukan sahaja kesan humornya tetapi juga maksud dan nada sindirannya. Hal yang sama berlaku pada puisi “Sang Katak Dikatok Dikotak Katik”.

Kesemua sajak SiFu Art memakai susunan kata yang beritma dan berirama. Elemen aliterasi dan asonansi begitu kaya dipergunakan. Ukuran metrikal pada bait-bait puisinya sengaja dibuat beralun, berombak, berulang, supaya pembacaan puisi menjadi lancar dan girang. Perulangan kata-kata dan bait-bait dengan sengaja dan bersahaja supaya kesan penekanan makna terjelma serta menambah kesan pada



humor dan pada makna puisi. Namun, satu elemen yang sering dipakai oleh SiFu Art dalam sajennya ialah *onomatopoeia*, yaitu penggunaan bunyi bagi menjelaskan makna. Hal ini mengingatkan saya kepada sajak-sajak tahun 80-an karya A. Ghafar Ibrahim dalam himpunan puisi “Tak Tun” dan “Tan Sri Bulan”. Teknik ini, sama juga seperti parodi telah lama bertapak dalam alam puisi Timur dan Barat. Bunyi “brekekekex koax koax” terdapat dalam sandiwara komik Yunani, “*The Frogs* karya Aristophanes”. Dalam “*Gulliver’s Travels*”, sebuah karya satira oleh Jonathan Swift, terdapat suatu puah yang dinamakan oleh Swift sebagai “*Houyhnhnms*”, yaitu “*onomatopoeia*” bagi bunyi keluhan kuda. Kita barangkali pernah mendengar puisi kanak-kanak Inggeris “*Baa Baa Black Sheep*”, atau “*Ding Dong Bell*”, ataupun “*Cock-a-doodle-do*” yang kesemuanya memakai teknik *onomatopoeia* ini.

Sajak yang menggunakan elemen bunyi, pengulangan kata dan bait sesungguhnya lebih enak didengar daripada dibaca. Si penyair hendaknya bukan hanya seorang deklamator, tetapi juga seorang seniman yang dapat melontar segala *onomatopoeia* itu dengan baik, lancar, bersahaja dan mengangkat kelucuan. Setelah menjadi penonton kepada persembahan sajen SiFu Art beberapa kali, saya berpendapat bahawa hanya si penyair itu sendiri mampu membawa sajennya ke tahap yang dikehendakinya.

Saya kira antologi sulung sajen berjudul **Himpunan Sajak Jenaka (SAJEN) ONG** nukilan SiFu Art UMS atau Mohammad Puad Bebit ini adalah satu naskhah puisi kontemporer yang penting, yang perlu diberi perhatian dan dibuat perincian mendalam oleh para peminat sastera tentang makna karya kreatif yang sebenarnya.

Prof. Madya Hj. Inon Shahrudin Abdul Rahman

## PRAKATA

---

Kemajuan yang pesat membangun dalam bidang teknologi dan ilmu pengetahuan telah mewarnai perkembangan puisi moden yang dikenali sebagai sajak atau puisi bebas. Puisi moden ini telah dibincangkan oleh para sarjana dan membuktikan adanya perubahan dari kesinambungan puisi lama. Pengalaman, penghayatan, luahan rasa dan pemasalahan diri dengan alam sekitar bagi seorang penulis telah memberi perubahan dalam hasil nukilannya. Nukilan penulis yang digarap secara imaginatif dan kreatif dijadikan perantara untuk disampaikan kepada khalayak. Perubahan dari segi struktur dan isinya telah meletakkan sajak bersifat bebas, tidak lagi terikat dengan mana-mana struktur atau ketetapan dan dihasilkan dalam pelbagai bentuk.

Perubahan ini telah menjadikan penulis teruja dengan memilih unsur-unsur jenaka dalam membangunkan himpunan sajak jenaka yang dikenali sebagai SAJEN. Sajen adalah singkatan dari dua perkataan, iaitu sajak dan jenaka yang mempunyai nilai mesej yang berkias, diselit bahasa yang lucu, elemen main bunyi dan gaya persembahan yang tidak membosankan. Puisi sememangnya mempunyai irama, pola-pola bunyi, keindahan bahasa dan susunan perkataan yang kemas, padat, tepat dan jelas. Begitu juga dengan sajen, hanya diselitkan unsur-unsur jenaka yang sihat dapat membentuk akhlak dan peribadi manusia secara halus. Ciri-ciri dan struktur sajen mempunyai unsur intrinsik tersendiri telah menjadikannya sebagai satu media yang serius bagi menyampaikan maksud yang sarat dengan makna. Sajen yang berunsur jenaka bukan digunakan untuk tujuan hiburan dan sifatnya bukan sajak murahan. Sajen yang dihasilkan ini bukanlah seperti persembahan atau skrip lawak jenaka. Selitan unsur jenaka dalam struktur sajen dibina dari beberapa sudut dan tujuannya untuk menarik perhatian khalayak supaya dapat menghayati mesej yang disampaikan. Himpunan sajen yang dihasilkan dalam antologi **SAJEN ONG** ini mempunyai unsur nasihat, sindiran, teguran, kritikan dan isu semasa yang sesuai dibaca dan dihayati oleh semua lapisan masyarakat.

Sesungguhnya, sokongan moral dan dorongan motivasi dari semua pihak, penulis dapat memperkenalkan sajak jenaka atau sajen kepada tatapan umum khususnya pelajar. Penulis amat terhutang budi kepada YBhg. Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana memberi ruang untuk menerbitkan karya. Tidak dilupakan juga kepada Dekan Sekolah Pengajian Seni, iaitu Prof. Madya Hj. Inon Shharuddin Abdul Rahman yang telah banyak memberi semangat dan dorongan dalam dunia penulisan. Begitu juga kepada Pn. Ainun Jamil (Unit Penerbitan UMS) serta teman dan rakan sejawat yang tidak mengenal erti jemu memberi dorongan dan membantu menerbitkan himpunan puisi sajen ini. Akhir kata, diharapkan buku ini dapat memasyarakatkan puisi kepada masyarakat. Bukan mudah untuk menjadikan seorang orang.

**Mohammad Puad bin Bebit**

Pensyarah Teknologi Seni Visual

Sekolah Pengajian Seni

Universiti Malaysia Sabah

2010